

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA  
PELANCARAN RASMI RANCANGAN PER-  
HUBUNGAN MASYARAKAT DI DEWAN  
JAMUAN, BANGUNAN PARLIMEN, KUALA  
LUMPUR PADA 19HB DISEMBER, 1974

Yang Berbahagia Tun V. T. Sambanthan, Pengerusi Lembaga Perpaduan Negara, Ahli-ahli Majlis Perhubungan Masyarakat, Saudara-saudara sekalian.

Saya sungguh gembira pagi ini dan bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dapat bersama-sama pada peristiwa yang penting dan bersejarah ini iaitu pelancaran rasmi Rancangan Perhubungan Masyarakat atau Community Relations Programme. Rancangan ini mempunyai hikmat yang besar dalam context pembangunan masyarakat dan juga pembangunan negara yang kita lakukan sekarang ini.

Pada 6hb Ogos, 1972 dahulu, saya telah melancarkan Gerakan Pembaharuan peringkat nasional di Dungun, Trengganu. Antara lain-lain pada masa itu, saya telah menekankan betapa penting dan mustahaknya Pembangunan Masyarakat dilaksanakan bukan sahaja di kawasan-kawasan luar bandar tetapi semestilah juga untuk penduduk-penduduk dalam kawasan-kawasan bandar.

Oleh yang demikian, bolehlah dikatakan dengan terlancarnya Rancangan ini, gerakan Pembangunan Masyarakat telah meluas dan meliputi kedua-dua sektor rakyat dan membawa kita setapak lagi maju ke depan dalam usaha membawa perpaduan rakyat yang sebenarnya. Inilah pertama kali dirancang dan dilahirkan satu penyatuan rancangan Pembangunan Masyarakat untuk kawasan-kawasan dalam bandar yang mana matalamat-matalamatnya telahpun diterangkan sebentar tadi oleh Tun V. T. Sambanthan. Pada garis kasarnya rancangan ini bertujuan untuk mewujudkan persefahaman yang lebih luas serta kerjasama yang lebih erat dan sempurna di kalangan masyarakat berbagai kaum dalam bandar, dan serentak dengan itu memupuk kerjasama yang lebih erat antara rakyat dengan Kerajaan.

Sesungguhnya pelancaran Rancangan Perhubungan Masyarakat yang dijalankan serentak bagi seluruh negara hari ini mempunyai

makna yang sangat besar, kerana kita sekalian tentu ingat di Kuala Lumpur inilah meletusnya peristiwa racial riot atau rusuhan kaum yang paling buruk dalam sejarah negara pada 13hb Mei, 1969, dulu. Sempena dengan peristiwa yang bersejarah pada hari ini, marilah kita sama-sama berdoa agar peristiwa yang buruk itu tidak akan berulang lagi. Syukur Alhamdulillah, rakyat dari setiap lapisan dan golongan sedar serta insaf akan hal ini dan saya percaya mereka akan berusaha sedaya upaya untuk mengekalkan harmoni dan muhibbah di kalangan rakyat seluruhnya.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti dikatakan tadi, rancangan Perhubungan Masyarakat bukan saja membawa makna yang besar tetapi sangatlah mustahak dalam semua proses pembangunan negara. Selaras dengan kehendak-kehendak Dasar Ekonomi Baru dan Rukunegara, kita sedang membentuk satu masyarakat Malaysia baru yang teguh dan bersatu serta mempunyai identiti sendiri. Lazimnya di kawasan-kawasan bandar atau metropolis terdapat cross-current kehidupan berbagai-bagai kaum dan oleh itu identiti crisis ini sangatlah genting dan memerlukan perhatian yang istimewa.

Seperti dimaklum, kita sekarang sedang berusaha menyusun semula masyarakat kita untuk menentukan supaya faedah-faedah daripada pembangunan negara akan dapat dinikmati oleh seluruh rakyat dengan lebih saksama. Kita tahu di kawasan bandar terdapat peluang-peluang dengan banyaknya kerana kebetulan di sanalah terletaknya sebahagian besar aktiviti-aktiviti perdagangan dan perindustrian negara kita.

Keadaan yang demikian sedang diubah dan walaupun Kerajaan dan pihak swasta telah berganding bahu memodenkan sektor luar bandar dengan memperbanyakkan peluang-peluang kerja dan kemudahan-kemudahan lain, akan tetapi tarikan kehidupan di bandar masih lagi mempengaruhi penduduk-penduduk luar bandar terutama belia yang menjadi punca urban migration—the bright lights, the job opportunities, opportunities for self-improvement in education and skills.

Sekiranya kita meneliti pattern of population increase penduduk di bandar-bandar, kita dapati bahawa komposisi kaum penduduk-penduduk di kawasan bandar menunjukkan kenaikan peratus orang-orang Melayu iaitu daripada 21% pada tahun 1957 kepada

27.6% di tahun 1970. Daripada pattern ini pemindahan orang-orang Melayu nampaknya lebih ketara dalam bandar-bandar besar di mana penyertaan mereka telah meningkat dari 16.3% dalam tahun 1957 kepada 21.9% dalam tahun 1970.

Meskipun kita mengakui bahawa dalam proses pemodenan masyarakat, pemindahan penduduk daripada luar bandar ini ke kawasan-kawasan bandar tidak dapat dielakkan, kita tidak boleh melupakan pula bahawa kenaikan jumlah penduduk di kawasan ini membawa masalah-masalah baru yang rumit seperti wujudnya kawasan-kawasan setingan dan juga kawasan-kawasan sesak atau slum yang semakin meluas. Penduduk-penduduk baru ini malangnya bukan saja tidak dapat menikmati kemudahan-kemudahan metropolis moden tetapi mengekalkan keadaan dan norma-norma hidup di kampung asal mereka.

Oleh yang demikian, amatlah mustahak setingan dan sesak ini diberi perhatian yang wajar dan mencari huraian yang praktikal serta berkekalan. Perkara-perkara bersangkutan dengan peluang-peluang kerja, rumah kediaman, kemudahan pelajaran, masalah lalu lintas dan kemudahan rekreasi hendaklah diberi keutamaan kerana semua inilah yang akan menentukan "quality of life" yang kita kehendaki.

Dalam menyelesaikan masalah-masalah tersebut, kita mesti menitikberatkan bahawa hasil dari perancangan yang dibuat itu akan mencapai maksud dan matalamat yang ditentukan. Kita tidak semestinya menumpukan perhatian kepada infrastruktur kebendaan semata-mata tetapi mestilah melebihkan kesejahteraan dan kebahagiaan rakyat yang berkenaan.

Saya percaya dengan berjalannya Rancangan Perhubungan Masyarakat ini, maksud untuk mencapai satu bentuk masyarakat yang mempunyai nilai-nilai hidup yang tinggi, yang saling mengerti antara satu dengan lain akan dapat dicapai dengan lebih segera.

Saya harap semua pihak yang terlibat dalam usaha menyusun semula atau restructuring masyarakat kita, akan dapat memberi perhatian yang penuh terutama sekali terhadap generasi muda dalam masyarakat kita. Di atas bahu merekalah terletaknya bebanan meneruskan kehidupan budaya bangsa kita pada masa hadapan. Kita bukan saja patut melengkapkan mereka dengan segala yang perlu supaya mereka dapat memberikan sepenuh derma bakti kepada negara demi kebaikan dan kesejahteraan

manusia. Dengan lain-lain perkataan, kita mesti menyediakan mereka agar mereka benar-benar dapat menjadi tumpuan harapan kita bagi masa hadapan.

Saya suka mengesyorkan iaitu patutlah diadakan tempat-tempat di mana mereka ini dapat diberi latihan dan bimbingan yang boleh memperkukuh jasmani dan rohani mereka supaya tidak ada antara mereka menjadi liar atau hilang haluan dan akhirnya menjadi beban pula kepada negara dan bangsa.

Saudara-saudara sekalian.

Saya telah menyatakan pada masa lepas dan saya ingin menegaskan lagi hari ini bahawa pembentukan dan pembangunan negara adalah kait mengait satu sama lain. Pembangunan mesti mehabatkan penyertaan rakyat dari segi perancangan dan pelaksanaannya. Ini adalah selaras dengan kehidupan masyarakat kita yang berlandaskan kepada corak hidup demokratik dan hasrat kita hendak membentuk satu masyarakat yang adil dan saksama. Konsep penyertaan ini sepatutnya diterima sebagai satu konsep yang praktikal dan bukan abstrak untuk mengatasi krisis identiti masyarakat kita yang berbilang kaum seperti yang saya sebutkan dahulu. Penyertaan dari semua peringkat masyarakat dalam semua segi kehidupan negara kita boleh mengurangkan salah faham, keraguan dan kebimbangan yang sebenarnya adalah "state of mind" sahaja.

Saya percaya approach ini sangat penting dalam masyarakat berbilang kaum seperti di negara kita. Kerajaan, ahli-ahli politik dan ahli-ahli pentadbir hendaklah sentiasa mendampingi rakyat dan menyesuaikan did mereka dengan keperluan dan hasrat rakyat. Rakyat hari ini tidak sama lagi dengan rakyat pada masa selepas merdeka dulu kerana mereka lebih menyedari hak-hak politik, ekonomi dan sosial mereka.

Oleh yang demikian, proses kemajuan hendaklah memberi pertimbangan kepada faktor-faktor ini. Satu cara yang boleh dibuat oleh pihak berkenaan di bandar ialah dengan melibatkan masyarakat dalam projek-projek berdikari. Dengan itu dapatlah sedikit demi sedikit menghapuskan prasangka-prasangka yang memisahkan satu kaum dengan yang lain dan seterusnya membawa kepada proses integration. Perkara yang pokok, terutama bagi

masyarakat di bandar ialah menanamkan semangat bahawa masa depan mereka bergantung kepada harmoni dan perpaduan serta common destiny.

Saya yakin proses integration masyarakat bandar akan mudah diterima mereka kalau kita dapat memberikan daya penarik yang bermakna dan simbolik yang senang mereka fahami. Projek-projek kebajikan dan kegiatan-kegiatan lain yang diatitkan itu hendaklah dikaitkan dengan matalamat-matalamat sosial di samping menanamkan pandangan dan rasa kesedaran bahawa usaha-usaha yang dijalankan sekarang akan membawa kepada keuntungan pada masa hadapan.

Saudara-saudara sekalian.

Memandang pada matalamat jangka panjang perpaduan, amatlah penting projek-projek yang menghendaki penyertaan masyarakat lebih meluas daripada hanya menggalakkan majlis-majlis jamuan ataupun perhimpunan-perhimpunan sosial.

Walaupun usaha-usaha ini berfaedah untuk membawa anggota-anggota masyarakat bersama tetapi ianya tidak seharusnya menjadi matalamat yang terakhir. Lebih-lebih pula golongan berpendapatan rendah yang menjadi sebahagian besar rakyat kita, baik di bandar atau luar bandar mereka tidak nampak gunanya dan tidak pula mampu menyertainya kerana keperluan asasi mereka masih belum tercapai sepenuhnya. Keperluan-keperluan asasi inilah yang kita mesti penuhi dan kita boleh berhasil sekiranya kita menjalankan usaha-usaha yang praktikal yang boleh dilihat kejayaannya oleh mereka itu.

Adalah harapan saya agar pihak-pihak berkenaan menjadikan Rancangan Perhubungan Masyarakat ini sebagai satu alat yang berguna untuk menggerakkan penduduk-penduduk bandar dalam usaha-usaha membaiki kehidupan mereka dan menghapuskan sebarang prasangka di kalangan mereka. Kita hendaklah membimbing rakyat dan memupuk mereka mempunyai cita-cita yang sama mengenai harapan dan keyakinan dalam sebarang usaha untuk membaiki keadaan ekonomi dan sosialnya. Keadaan hari ini memang memerlukan sikap demikian kerana bukan sahaja negara kita tetapi seluruh dunia sedang menghadapi masalah kemerosotan ekonomi dan inflasi.

Walaupun ekonomi kita masih teguh dan bahan-bahan utama negara kita akan terus dikehendaki oleh dunia, saya suka mengingatkan bahawa akibat dari inflasi ini akan terus dirasakan untuk beberapa lama.


Bagaimanapun, saya mengulangi ikrar Kerajaan akan terus mengawasi keadaan ini dengan teliti dan akan berusaha seberapa boleh mengurangkan kesulitan rakyat. Tetapi kejayaan Kerajaan adalah bergantung kepada sambutan rakyat dan setakat mana mereka akan bersama menghadapi keadaan ini. Kerajaan sendiri tidak dapat berbuat sesuatu yang berkesan tanpa kerjasama daripada rakyat. Oleh yang demikian, patutlah ditanamkan dalam hati sanubari setiap anggota masyarakat perasaan cinta kepada negara dan perasaan ini perlulah diperkukuhkan setiap masa. Bagi negara yang berbilang kaum seperti Malaysia, asas kerjasama perlulah wujud berdasarkan cinta kepada negara. Melalui kerjasama banyak perkara dapat dicapai hasil daripada usaha-usaha rakyat sendiri berdasar kepada inisiatif mereka. Ini bukanlah satu tugas yang mudah tetapi kita perlu bergerak untuk mencapainya secara bijaksana.

Saya berharap anggota-anggota masyarakat yang dilantik dalam Majlis Perhubungan Masyarakat akan sentiasa berhubung dengan masyarakat-masyarakatnya masing-masing dan menyuarakan keperluan dan hasrat rakyat di samping menyampaikan pandangan-pandangan Kerajaan dalam perkara ini. Adalah harapan saya bahawa Majlis ini akan memainkan peranan memesatkan kerjasama di antara anggota-anggota masyarakat dengan Kerajaan untuk mengatasi masalah yang sama untuk faedah kedua-dua pihak.

Penyelarasan di antara Rancangan Perhubungan Masyarakat di kawasan-kawasan bandar dan Jawatankuasa Kemajuan Kampung di luar bandar sangatlah penting. Kedua rancangan ini sama tujuannya iaitu memajukan taraf ekonomi dan sosial rakyat. Kejayaan di bandar adalah tergantung kepada kejayaan di luar bandar kerana walaupun keperluan dan keadaan berbeza, mereka mempunyai kaitan yang erat. Saya menggesa kepada semua pihak yang terlibat untuk menyedari perhubungan-perhubungan ini apabila menjalankan kedua-dua rancangan ini. Matalamat yang akhir dalam usaha-usaha pembangunan kita ialah perpaduan negara. Matalamat ini Insya'Allah akan dapat dijayakan sekiranya rakyat menyedari keadaan-keadaan pembentukan negara di mana dasar-dasar dan projek-projek Kerajaan ditentukan.

Saya yakin Rancangan Perhubungan Masyarakat akan mencapai kejayaan dan saya ingin merayu kepada semua yang terlibat baik agensi-agensi Kerajaan, organisasi sukarela dan penduduk-penduduk bandar memberi sokongan yang sewajarnya.

Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan pelancaran Rancangan Perhubungan Masyarakat seluruh negara dan Majlis Perhubungan Masyarakat bagi Wilayah Kuala Lumpur.



**Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein semasa melancarkan Rancangan Buku Hijau di Bilik Gerakan Perdana Menteri, Kuala Lumpur pada 20hb Disember, 1974.**

**(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)**